

26/02/1997

Program regularisasi bukti komitmen kerajaan

KOTA KINABALU, Selasa - Program regularisasi terhadap pendatang tanpa izin Indonesia dan Filipina di Sabah, disifatkan sebagai bukti komitmen Kerajaan Persekutuan menyelesaikan masalah kebanjiran pendatang asing yang dihadapi di negeri itu sejak beberapa tahun lalu.

Bekas Ketua Menteri, Datuk Mohd Salleh Tun Said, berkata penyelesaian terhadap masalah itu adalah antara keutamaan Kerajaan Persekutuan selepas Barisan Nasional (BN) mengambil alih teraju pemerintahan kerajaan negeri Sabah pada 1994.

"Lagi pun soal pendatang asing ini adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Justeru itu, selepas BN mengambil alih teraju pemerintahan negeri beberapa perakuan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam beberapa lawatan ke negeri ini sebelum ini menekankan pentingnya penyelesaian berkekalan dibuat berhubung masalah itu.

Katanya, satu daripada mekanisme menyelesaikan masalah itu ialah dengan membenarkan pendatang asing terbabit mendapatkan dokumen perjalanan sah dan bukannya dengan cara mengusir mereka.

Mohd Salleh yang juga Ahli Parlimen Kota Belud mengulas program regularisasi pendatang tanpa izin Filipina dan Indonesia, selama enam bulan mulai 1 Mac ini.

Program bersepadu itu yang membabitkan penggemblengan usaha beberapa jabatan dan agensi Persekutuan, diumumkan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee semalam.

Menerusi program itu, kira-kira 400,000 pendatang tanpa izin kedua-dua negara dikehendaki mendapatkan dokumen perjalanan bagi membolehkan mereka tinggal dan bekerja secara sah di negeri ini.

Kira-kira 1,000 pendatang tanpa izin dari India, Pakistan dan China yang dipercayai berada di Sabah, dikehendaki meninggalkan negeri ini sebelum 1 April ini.

Sementara itu, Timbalan Presiden I Persatuan Belia Sabah (Sanya), Aliasgar Basri, menyifatkan langkah kerajaan negeri melaksanakan program regularisasi itu bukan saja menyelesaikan banyak masalah sosial, tetapi juga memberi kebaikan kepada pendatang itu sendiri.

Katanya, melalui program itu pendatang tanpa izin boleh membuat keputusan sama ada ingin kembali ke negara asal atau bekerja secara sah di negeri ini.

"Ia juga akan menjamin keselamatan warga negara asing yang bekerja secara sah di negeri ini," katanya ketika dihubungi.

Aliasgar yang juga Exco Majlis Belia Malaysia (MBM) berkata langkah itu tepat pada masanya kerana jika masalah pendatang tanpa izin itu tidak diselesaikan daripada sekarang, dikhuatiri masalah sosial meruncing dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menurutnya, kebanyakan anak pendatang tanpa izin ini tidak mempunyai pendidikan formal, agama dan moral mengakibatkan apabila tidak mendapat peluang pekerjaan di negeri ini pada masa depan, terdorong melakukan jenayah.

Beliau berkata, jika kebanjiran pendatang tanpa izin tidak dibendung dan dibiarkan berlanjutan, ada kemungkinan negara asal tidak akan mengakui mereka lagi sebagai rakyatnya.

"Ini pasti menimbulkan masalah kepada negara ini kerana terpaksa

menanggung mereka kerana mengikut peraturan yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), negara di mana seseorang itu bermastautin perlu menanggungnya jika tidak diiktiraf oleh mana-mana negara," katanya.
(END)